

## **Deklarasi Kuala Lumpur.**

Pendahuluan (bukan sebahagian dari deklarasi): Deklarasi Kuala Lumpur adalah salah satu dari resolusi Persidangan Tahunan bagi Kuala Lumpur Summit yang telah bersidang di Kuala Lumpur, Malaysia pada 27,28 dan 29 November 2015 dan telah dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir Mohammad. Telah dihadiri sebilangan besar daripada cendekiawan, pemikir dan ahli politik dari pelbagai Negara Islam bagi perbincangan tiga hari yang berkitar isu umat Islam. Terutamanya yang berkaitan dengan keadaan huru hara dan ketidakstabilan yang melanda beberapa Negara Islam serta berkaitan kesukaran menyediakan kebebasan dan pembaikan sistem demokrasi serta pemeliharaan hak asasi manusia. Para peserta berpendapat perlu untuk mengeluarkan sebuah deklarasi umum di bawah nama “Deklarasi Kuala Lumpur” yang ditujukan kepada pelbagai pihak yang berpengaruh dalam isu tersebut, sebagai nasihat dan peringatan kepada perkara-perkara yang mesti dilaksanakan agar memperbaiki keadaan dan keluar dari kemelut yang sedang berlaku. Deklarasi ini ditujukan kepada ratusan tokoh yang berpengaruh dalam dunia Islam. Akan disampaikan kepada mereka oleh delegasi yang terdiri daripada anggota setiausaha-setiausaha agung dan wakil-wakil Negara dari cendekiawan dan pemikir-pemikir sidang Kuala Lumpur Summit. Juga ditujukan kepada massa secara umum di pelbagai Negara melalui seminar-seminar dan sidang-sidang media.

Bagi membentuk deklarasi ini, telah diadakan beberapa bengkel pada hari akhir persidangan yang dirumuskan kepada sebuah gagasan wasiat yang dikeluarkan secara ringkas dan dibacakan oleh Tun Dr Mahathir Mohammad pada majlis penutup. Telah disepakati untuk mewujudkan lajnah bagi meneruskan projek deklarasi Umum ini secara beransur berpandukan kepada gagasan wasiat tersebut. Pada 18 Januari 2016 telah diadakan sebuah seminar yang dihadiri separuh dari peserta persidangan bagi mendokong projek tersebut dan mengeluarkan deklarasi berikut:

### **Deklarasi Kuala Lumpur.**

Kami peserta Persidangan Pemikiran dan Kebudayaan Kuala Lumpur pada 27,28 dan 29 November 2015 di Kuala Lumpur Malaysia:

Berdasarkan Allah telah menjadikan kepelbagaian dan perbezaan sebagai aturan alam yang berterusan sehingga hari kiamat berdasarkan firman Allah , maksudnya :”... bagi tiap-tiap Umat yang ada di antara kamu, kami jadikan suatu syariat dan jalan agama. Dan kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu Umat, tetapi Dia hendak menguji kamu dalam apa yang telah disampaikan kepada kamu. Maka berlumbalah melakukan kebaikan . kepada Allah jualah tempat kamu semua kembali , maka Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perseisihkan padanya.” Al maaidah :48

Demikian pula Allah telah memuliakan manusia dan menjadikan dalam kehidupannya kehormatan dan kesucian sesuai dengan firman Allah yang bermaksud :”dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak anak Adam lalu kami membawa mereka di darat dan di laut dan kami berikan mereka rezeki kepada mereka dari yang baik baik serta kami lebihkan mereka selebih lebihnya di atas makhluk makhluk yang telah kami ciptakan.” Al israk :70. Dan maksud firman Allah yang lain:”dengan sebab itu, kami telah tetapkan kepada bani Israel bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan yang membolehkannya dibunuh, atau melakukan kerosakan di atas muka bumi, maka seolah olah dia telah membunuh manusia seluruhnya dan barangsiapa yang menjaga keselamatan nyawa seorang manusia maka seolah olah dia telah menjaga keselamatan hidup seluruh manusia , dan telah datang kepada mereka rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang jelas kemudian , sesungguhnya kebanyakan mereka sesudah itu benar-benar telah melampaui batas di atas muka bumi.” Al Maaidah:32

Jadi kebebasan sebenarnya tumpuan utama syariat dan sebab pensyariatkan kehakiman juga pemerintahan. Maka tidak beriman seseorang melainkan dengan kerelaannya tanpa

paksaan, tidak boleh memimpin seseorang di atas masyarakat sedang dia dibenci mereka. Dan tidak boleh mewakili seorang pemerintah melainkan setelah disepakati oleh penduduknya. Selari dengan firman Allah: "dan kalau Tuhanmu kehendaki nescaya akan berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi, maka patutkah engkau pula mahu memaksa manusia supaya mereka beriman?" Yunus:99, firman Allah lagi:" tiada paksaan dalam agama, kerana telah nyata kebenaran dari kesesatan..." al baqarah:256.serta firman Allah: " dan perintahkanlah mereka bermusyawarah sesama mereka" al Syura:38. Seterusnya sabda rasulullah s.a.w: "tiga golongan tidak terangkat solat mereka di atas kepala mereka sejangkalpun : lelaki yang memimpin satu kaum dalam keadaan kaumnya membencinya..." hadis Hasan riwayat ibnu Majah.

Allah telah memerintahkan agar berlaku adil dan menjadikannya sifat wajib bagi setiap orang mukmin, dan syarat utama dalam melantik pemerintah dan pemimpin, dalam setiap situasi dan keadaan, dalam keadaan suka dan tidak berpuas hati, pada keluarga dan orang terdekat, juga pada musuh dan orang yang jauh bersesuaian dengan firman Allah: " Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah pada ahlinya, dan apabila kamu mengadili manusia maka berlakulah adil, sesungguhnya Allah dengan itu memberi pengajaran yang sebaik baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa maha melihat." An Nisa:58. Firman Allah : " wahai orang yang beriman ! hendaklah kamu sentiasa menegakkan keadilan dan menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibubapa mahupun kaum kerabat kamu. Kalaulah orang itu kaya atau miskin maka Allah lebih utama dari mereka, maka janganlah kamu menurut kehendak dirimu dan tetaplah berlaku adil. Dan janganlah kamu memutar belit, sesungguhnya Allah mengetahui akan apa yang kamu lakukan." Al Nisa :135. Firman Allah lagi: "wahai orang beriman! Jadilah kamu orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran ; janganlah sekali kali kebencianmu terhadap suatu kaum mendorong kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana sikap adil itu lebih hamper kepada taqwa.dan bertaqwalah kepada kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu lakukan." Al Maaidah:8. Sabda Rasulullah s.a.w: " tiada dari kalangan hamba seorangpun diamanahkan Allah sebuat rakyat lalu dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya , melainkan Allah haramkan baginya Syurga." Diriwayatkan oleh Imam al Bukhariy.

Allah melarang seorang muslim meragut kehormatan saudaranya muslim, juga mengharamkan saling membenci dan membelakangi sesama mereka serta menyuruh mereka saling bermesra dan tidak berbantah bertepatan dengan firman Allah: “dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali Allah janganlah kamu bercerai berai, ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan , lalu Allah menyatukan hati hati kamu , maka kamu menjadi dengan nikmat itu orang Islam yang bersaudara. Sedang kamu dahulu berada di tepi jurang neraka , lalu Allah selamatkan kamu darinya , demikianlah Allah menghuraikan padamu ayat-ayatnya mudahan kamu beroeh pentunjuk.” Ali Imran:103. Sebagaimana sabda rasulullah s.a.w: “setiap muslim ke atas muslim itu haram(suci) : darahnya, hartanya dan kehormatannya.” Riwayat Muslim.

Manakala keamanan dan ketenteraman adalah nikmat yang sangat besar yang Allah sebutkan dalam kitabNya dan menjadikannya terikat dengan rezeki dan kesuburan, ia juga merupakan jalan bagi menyebarkan kebenaran , agama dan kebaikan selari dengan firman Allah: “dan ingatlah ketika nabi Ibrahim berkata “wahai Tuhanku jadikanlah negeri ini aman dan rezekikanlah penduduknya dari buah buahan dari kalangan mereka yang beriman dengan Allah dan hari akhirat...” al baqarah :126. firmanNya : “ sembahlah Tuan Kaabah ini \* yang memberi mereka makan ketika mereka lapar dan memberi mereka aman ketika mereka takut” quraisy:3 dan 4. Sabda Rasulullah s.a.w: “siapa dikalangan kamu yang aman di lembahnya , sihat pada tubuhnya, memiliki makanan harian, seolah telah mendapat seluruh dunia.” Riwayat Imam Bukhari dalam Adab al Mufrad.

Berkaitan dengan amar makruf dan mencegah kemungkaran dengan memulakan nasihat dalam hal pokok dari usul agama, juga dari sudut perbezaan pandangan dan pemikiran serta bersabar atas perbezaan ini demi menjamin kebaikan di kalangan orang Islam dan menjaga kemakmuran alam ini dari kerosakan selaras dengan Firman Allah s.w.t: “Kamu adalah sebaik baik umat yang dikeluarkan kepada manusia, kamu menyuruh yang makruf dan mencegah kemungkaran ..” ali Imaran :110. Juga firman Allah : “ kalaulah Allah tidak mendamaikan di antara manusia akan binasalah muka bumi ini, akan tetapi Allah memiliki kemuliaan atas sekalian Alam.” Al baqarah :251. Begitu juga sabda Rasulullah s.a.w: “ Agama itu Nasihat (3x) kami bertanya : kepada siapa, wahai Rasulullah? Baginda

menjawab : untuk Allah, kitabNya, RasulNya dan kepada pemimpin pemimpin Islam serta semua mereka.” Riwayat Muslim.

Bahawasanya orang Islam seluruhnya adalah seperti sebuah jasad, Allah memerintahkan mereka memelihara antara satu sama lain. Mereka semua adalah umat yang satu , ini berteraskan firman Allahs.w.t : “dan sesungguhnya umatmu ini umat yang satu dan Akulah Tuhanmu maka bertakwalah kepadaKu.” Al Mukminun:52. Serta firman Allah : “sesungguhnya semua orang beriman itu bersaudara perbaikilah hubungan antara dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah mudah mudahan kamu dirahmati.” Al Hujurat :10. Sabda Rasulullah s.a.w : “perumpamaan orang orang mukmin itu dalam kecintaan, kasih sayang dan kemesraan mereka : seperti satu jasad sekiranya mengadu salah satu anggotanya maka menyebabkan seluruh jasadnya berjaga malam dan demam.”Riwayat Bukhari dan Muslim.

Adapun dalam menanggapi Allah telah menjadikan alam ini untuk manusia dan mengangkat manusia dengan anugerah pendengaran, penglihatan dan akal bagi menerokai rahsia rahsia alam dan mengambil manfaat darinya, benarlah firman Allah s.w.t: “dan kami memudahkan bagi kalian apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi seluruhnya , sesungguhnya dalam perkara itu ada tanda tanda kebesaran Allah bagi kaum yang berfikir.” Al jatsiyah:13, serta firman Allah : “dan dialah yang menciptakan bagimu pendengaran , penglihatan dan hati untuk berfikir, sangat sedikit dari kamu yang bersyukur.” Al Mukminun:78. Manakala berkenaan dengan kelebihan ilmu dan kedudukan ulama’ serta peranan akal, berfikir, mengamati dalam merealisasikan pembangunan dan kemajuan berdasarkan firman Allah: “Katakanlah aku mengingatkan kamu tentang satu perkara, sembahlah Allah secara berdua atau seorang diri kemudian kamu berfikir...” Saba’:46. Firman Allah : “Allah mengangkat kedudukan orang yang beriman dari kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat.” Al Mujadalah: 11. Sabda Rasulullah s.a.w: “sekiranya mati anak Adam terputus darinya amalannya kecuali tiga perkara: sedekah yang jariah, ilmu yang bermanfaat dengannya dan anak soleh yang mendoakan baginya.” Riwayat Muslim dari Abi Hurairah.

Manakala berkenaan perintah Allah agar kita berusaha dan mengambil usaha sebagai asbab kekuatan dan persediaan bagi menjaga keselamatan diri kita dari musuh dan kehinaan

berdasarkan firman Allah s.a.w : “dan katakanlah beramallah maka Allah, rasulNya dan orang beriman akan melihat amalan kamu. Lalu kamu akan dikembalikan ke alam ghaib dan nyata dan dikhabarkan tentang apa yang telah kamu kerjakan.” At Taubah:105. Firman Allah Taala juga: “dan persiapkanlah bagi menghadapi mereka apa yang kamu mampu dari kekuatan dan kuda kuda perang yang menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu dan selain mereka yang kamu tidka ketahui tetapi Allah mengetahui.” Al Anfal:60.

Sesungguhnya perubahan perlu menurut ketentuan Allah dalam sosial yang berkaitan dengan kehendak manusia dan keinginannya dalam memperbaiki urusan pribadinya juga persekitarannya. Bantuan Allah hanya untuk mereka yang berusaha dan berserah diri kepada Allah membenarkan firman Allah s.a.w: “sesungguhnya Allah takkan merubah keadaan sesuatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan mereka sendiri.” Ar Ra’d:11, Firman Allah: “tidaklah aku inginkan melainkan pbaikan apa yang aku mampu dan tidaklah ada yang memberi petunjuk kepadaku melainkan kepada Allahlah aku berserah diri dan kepadaNya lah aku kembali.” Hud:88. Firman Allah : “wahai orang yang beriman sekiranya kamu menolong agama Allah nescaya Allah akan menolong kamu dan meneguhkan kedudukanmu.” Muhammad:7.

Manakala dalam Negara yang memiliki penduduk yang berbilang bangsa, yang meliputi orang Islam dan agama lain, Rasulullah telah meletakkan tunjang yang kemas dalam perjanjian Piagam Madinah.

Juga memandang kemerosotan akhlak, tamadun, agama, politik, sosial dan ekonomi yang bercanggah dengan nilai nilai Islam yang kita sebut di atas yang menjadi realiti kehidupan umat Islam kini.

Melihat kepada kemunduran , kemerosotan tamadun, kelemahan yang ketara dalam teknikal dan teknologi, dan menuruti kuasa besar dunia yang zalim. Kemunduran ilmu , pemikiran dan dalam kesungguhan berkerja ditambah dengan kemiskinan, kefakiran dan kejahilan yang melanda umat Islam.

Dengan apa yang menyelubungi dunia Islam sampai ke dasar tamadun dan sejarahnya yang gemilang, kedudukannya yang strategic dan penting, dengan hasil bumi yang kaya sepatutnya menjadikan Negara Islam maju dan pesat membangun untuk merealisasikan

masalah masyarakatnya dan menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian dunia sejagat.

Melihat kepada pertempuran berdarah, perpecahan yang merebak luas serta kemelut yang sangat getir yang dilalui umat Islam secara umum, dan dunia Arab secara khusus.

Melihat kepada peperangan peperangan dan penentangan penentangan yang ganas yang berlaku dalam umat menambah penderitaan yang menimpa umat ini, terutamanya golongan lemah dan tidak berdaya seperti kanak-kanak, wanita dan orang tua.

Tambahan lagi sesungguhnya diktator dan penguasaan ke atas golongan majoriti di negara-negara tidak akan membina kestabilan, kemakmuran dan kemajuan.

Sesungguhnya peralihan kepada negara demokrasi di tanah Arab telah mengenali kesukaran yang besar, mereka yang menuntut memiliki kebebasan, kemuliaan telah menghadapi pencabulan dan pelanggaran hak asasi. Parti-parti politik dan NGO-NGO saling bertelagah dan berpecah belah dan tidak menguasai kebudayaan, persepakatan dan kerjasama.

Sesungguhnya masih ada di kalangan masyarakat yang ramai masih maju melakukan pengorbanan yang besar bagi menuju kebebasan, menghias diri dengan kesabaran yang luar biasa dalam mendepani kezaliman diktator tetapi mereka perlu berdepan dengan kelompok yang lebih ramai yang bersikap negatif dan berserah pada takdir atau hanya refleksi dan tidak mahu terlibat dalam masalah umum.

Sedangkan bangsa yang telah mencapai ikatan sosial masyarakat dan menghormatinya serta melaksanakan isi kandungannya bagi meneruskan urusan mereka dalam suasana kepelbagaian. Sebenarnya telah mencapai tahap berpuas hati dengan taraf hidup bangsanya dan sedang membina kemajuan, kemakmuran dan kekuatan negara.

Manakala negara yang memiliki pemerintahan yang bijak dan memiliki akar demokrasi yang kemas serta terjamin di dalamnya kebebasan, samada bukan Islam dan juga beberapa negara Islam, telah terbukti kebangkitan dan kemajuan mereka serta memperolehi kestabilan dan keamanan.

Maka kami, dengan penuh rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap masalah umat Islam seluruhnya, dengan seluruh aliran politik, pemikiran, mazhab menyeru kepada:

**Pertama : Parti Parti Politik Yang Memerintah .**

- 1- Pemerintah negara itu memikul amanah memajukan negara yang diperintahnya dengan berusaha membina kekuatan keilmuan, ekonomi dan pertahanan. Ini tidak akan berlaku melainkan dengan mengikuti neraca antarabangsa hari ini bagi pemerintahan yang Berjaya, yang mempunyai asal terdahulu yang diwarisi dari tamadun Islam secara teori dan realiti.
- 2- Memelihara perbendaharaan negara, dengan mengamalkan amanah dan bertanggungjawab. Menjauhi dan memerangi kejahatan dalam semua bentuknya, dan menghindarkan mereka yang jahat dari pemerintahan dan kedudukan penting .
- 3- Melindungi kemuliaan manusia, menjamin kebebasan individu, kumpulan dan seluruh warganegara. Mengikuti kebiasaan berbincang dan melaksanakan luns luns demokrasi, serta memerintah dengan adil juga membenarkan penyebaran nasihat dan tegur menegur dalam kebaikan dan kemungkar serta menerima maklum balas masyarakat dan pertubuhan pertubuhan.
- 4- Menjaga kesucian darah, menghargai keutamaan kestabilan lebih dari kekuasaan, melindungi hak hak jiran, berusaha ke arah kesatuan umat , kerjasama dan lengkap melengkapi satu sama lain.
- 5- Berpegang kepada mencari penyelesaian dalam dialog dan perbincangan antara negara-negara Islam, serta menjauhi sebarang peperangan dan pertempuran , tidak melibatkan aspek mazhab, perkauman, etnik, bahasa dalam mempengaruhi orang ramai dan mempergunakannya untuk tujuan politik dan kekuasaan. Haramkan meminta bantuan asing dalam menyelesaikan perbalahan dalaman.
- 6- Berusaha sedaya upaya bagi melaksanakan asas asas syariat islam , menyumbang dalam mencari alternatif modern bagi umat dalam kepelbagaian bidang dalam kepentingan umum bagi kebaikan orang islam dan dunia seluruhnya, serta menggalakkan masyarakat menyumbang sama dalam perkara ini.



- 7- Menghargai ulama' dan menyetengahkan mereka bagi mendapat nasihat nasihat mereka, serta bergantung dengan pakar –pakar dalam merungkai permasalahan umat.
- 8- Memerjuangkan isu Palestin, tanpa mengabaikannya dan bertolak ansur berkaitan dengannya.

**Kedua : Ulama' dan pendakwah.**

- 1- Ulama' bertanggungjawab berijtihad dan melakukan pembaharuan dan memajukan sistem pemikiran dan fiqh Islamiy agar selari dengan keperluan hari ini dan menyahut cabaran yang ada dalam pelbagai bidang, serta memeriahkan dan memajukan jawatankuasa jawatankuasa fiqh bagi mengeluarkan ijtihad ijtihad dalam bentuk kumpulan.
- 2- Mengembangkan mazhab mazhab fiqh dan merealisasikan perhubungan bagi lengkap melengkapi di antara mereka. Mengelak sebarang pertembungan atau perang saudara dan menganggapnya sebagai bahaya besar ke atas Islam dan muslim seluruhnya.
- 3- Memimpin orang awam ke arah memperolehi manfaat dalam prihal agama dan duniawi, selain memberi manfaat pada negara, umat Islam dan dunia seluruhnya. Serta membentuk masyarakat dan melatih mereka agar positif , efektif, memiliki sikap sikap bertamadun dan bekerjasama dalam mencapai kepentingan umum. Sentiasa mengikat mereka dengan isu keadilan sejagat terutama isu Palestin.
- 4- Berusaha mendamaikan dua kumpulan yang berselisih, dan mengikat perdamaian dikalangan orang Islam, serta menyebarkan cinta, kasih sayang, persaudaraan dan lapang dada antara mereka.
- 5- Beriltizam dengan menegakkan kebenaran dalam hukum syarie, dan tidak menuruti kehendak para pemimpin ataupun desakan ramai dan kepentingan pribadi dalam mengeluarkan fatwa dan pandangan fiqh, membela kebenaran dan orang yang benar. Memberi nasihat kepada pemerintah dengan hikmah dan pesanan pesanan yang baik melalui pelbagai jalan yang mampu.
- 6- Menghentikan ekstremis dan keganasan secara lantang dan jelas, menganggap ia aalah ancaman kepada kestabilan Umat dan mengelirukan orang lain terhadap

Islam, melumpuhkan keupayaan Umat Islam, memberi jalan kepada diktator menggunakan kuku besinya atas alasan memerangi keganasan, menarik kuasa asing untuk masuk campur, merosakkan usaha modernisasi yang digerakkan oleh gerakan Islam yang pertengahan. Prihatin dalam merawat ideology dan menjaga syariat terutama kepada pemuda.

- 7- Menentang ideologi yang meruntuhkan dan memusuhi Islam, serta aliran atheism, liberalism yang memecah belahkan keluarga dan masyarakat dengan memperbaiki tahap pemikiran dan keilmuan masyarakat terutama dalam kalangan belia.

**Ketiga: kelompok pemikiran, parti politik dan petubuhan pertubuhan masyarakat madani.**

- 1- Mengasaskan langkah langkah persaingan yang sihat dan terhormat, mengelakkan perbalahan yang bakal menggugat keamanan negara, menjauhi seruan perkauman dan taassub mazhab yang menimbulkan kebencian dan menyemai perpecahan serta permusuhan di kalangan orang Islam.
- 2- Menyumbang idea dan alternatif serta mengembangkannya lalu bersaing dalam mewujudkan program program atau projek projek yang berkaitan. Bersama menyumbang dalam meningkatkan tahap kesedaran politik, kemahiran berfikir orang ramai. Menggalakkan mereka meluahkan keinginan mereka dan terlibat sama dalam politik serta memberi kesan dalam pembaikan negara mereka di peringkat antarabangsa melalui pelbagai medium harmoni yang disediakan.
- 3- Mempamerkan sikap senang dan menghormati kehendak rakyat serta menerima keputusan demokrasi juga mendokong budaya kebebasan bersuara di kalangan rakyat. Menolak pakatan yang berbaur dendam dan permusuhan. Menolak sebarang kezaliman dan kebejatan dalam mendapatkan maslahat sesetengah golongan sahaja.
- 4- Menjauhkan sikap ekstrimis , samada terlalu liberal dan sekular yang bercanggah dengan nilai sebenar demokrasi atau kemodenan umat. Ataupun melampau dalam urusan keagamaan yang bercanggah dengan kefahaman Islam dan menggugat kestabilan, keamanan dan ketuanan umat. Kedua dua keadaan ini merupakan

- fenomena ganjil dan bertentangan dengan kebenaran dan kebiasaan masyarakat Islam.
- 5- Berusaha untuk menjayakan persepakatan dan juga meluaskan ruang berbincang , membentuk pakatan pakatan bagi menantuni kepentingan umum terutamanya dalam kegawatan dan juga masa masa yang sukar.
  - 6- Menentang kejahatan dan penaklukan serta penguasaan yang menekan dengan nasihat, usaha politik dan sosial yang harmoni dalam berbagai bentuk dengan penuh kesabaran.
  - 7- Mendesak kerajaan menerima reformasi dan revolusi dengan membentangkan projek-projek yang serius dan telah dikaji bagi mencapai demokrasi yang disepakati, memberi keyakinan kepada pemerintah bahawa demokrasi adalah kepentingan untuk semua dan bebannya lebih ringan berbanding dengan semua langkah diktator, bahkan ia lebih bernilai.
  - 8- Meluaskan jaringan masyarakat madani dan pertubuhan bukan kerajaan serta meningkatkan tahap perlaksanaannya, memperbanyakkan pengkhususan seperti menubuhkan yayasan yang memikirkan projek projek pembangunan umat yang pelbagai.menjayakan latihan ke arah positif dan memberi kesan dalam membina masyarakat yang kuat, seimbang dan menampung sistem kerajaan.
  - 9- Media massa memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan masyarakat umum dan membentuk acuan pemikiran serta nilai murni masyarakat. Menggunakan langkah langkah professional dan menyumbang dalam meningkatkan citarasa serta halatuju masyarakat islam yang sesuai dengan nilai dan kedaulatannya selari dengan tahap kesedaran. Serta menyedarkan dari kelalaian dan angan angan yang panjang.

#### **Keempat: Gerakan Gerakan Islam.**

- 1- Memikul tanggungjawab berdasarkan kekuatannya dan keluasannya serta pengaruhnya sebagai sebuah kekuatan politik dan kekuatan sosial yang utama dikebanyakan negara Arab dan Islam.
- 2- Harulah memperbaharui pandangannya dan pendekatan pentadbirannya serta fokusnya pada peringkat pentadbiran atau kepimpinan agar sesuai dengan cabaran

- baru yang dihadapi dipelbagai peringkat dalam isu setempat dan antarabangsa juga dalam semua bidang ; politik,ekonomi , budaya dan sosial.
- 3- Kembali menyemak peranannya, khususnya dalam keutamaan antara dua peranan iaitu dakwah dan kepartian, agar menghala ke arah pengkhususan pertubuhan bagi membolehkannya untuk fokus,dan berkembang serta inovatif lalu menggerakkan seluruh keupayaannya dalam semua lapangan.
  - 4- Mesti berusaha untuk menyampaikan mesejnya kepada anak muda, agar mereka dapat diasuh bagi berperanan sebagai pemimpin dalam pertubuhan mereka serta menjamin kelangsungan kepimpinan dari setiap generasi. Begitu juga dengan sayap wanita mendokong mereka agar turut menyumbang dalam kebangkitan umat dalam segenap lapangan. Sentiasa prihatin dalam perhubungan dengan masyarakat secara berterusan dengan merendah diri dan menyantuni mereka. Supaya boleh membawa orang ramai bersama menjayakan projek-projek yang diadakan lalu melatih dan membawa mereka ke arah bersikap positif dan produktif dalam semua bidang.
  - 5- Membangunkan program program yang membawa maslahat kepada orang ramai, menyediakan alternatif melalui teori dan realiti dengan gaya yang mudah dan terkini sesuai dengan keperluan dan kepentingan mereka.
  - 6- Menjadikan sabar dan tabah sebagai pakaian dalam meneruskan keharmonian dan mencapai ketamadunan , meneruskan perjuangannya melalui projek projek pembangunan walaupun menghadapi pelbagai rintangan.
  - 7- Menyatukan saf – saf mereka dalam merawat perpecahan sebahagian dari mereka, dan menyusun kerja dengan pengurusan terkini yang akan merealisasikan sinergi dan kerjasama bagi meluaskan pengaruhnya dan menjayakan projek ketamadunannya untuk kepentingan negara dan umat.
  - 8- Bersungguh sungguh dalam mencapai kesepakatan dan kerjasama dengan pemerintah sekiranya ada peluang dalam lingkungan kepentingan umum bagi menjana kestabilan negara dan menjaga asas asas dan nilai nilai masyarakat serta menjaga kebebasan dan kemanusiaan.
  - 9- Memberi keutamaan untuk perlaksanaan tempatan, harus diimbangi antara kesetiaan kepada tanah air dan solidariti kepada umat , serta mewujudkan platform bagi mengatur gerakan antarabangsa yang menyantuni matlamat bersama umat

dengan terang, mengikuti undang undang dan telus, sesuai dengan langkah asas demokrasi dan kepentingan negara serta umat Islam.

**Kelima: Bangsa Arab dan Umat Islam.**

- 1- Berusaha untuk mencapai keperluan asas seperti , ilmu, fikrah, pendidikan dan sikap madani yang sesuai dengan ketinggian agama Islam.
- 2- Turut menyumbang dalam kerja reformasi dengan komitmen dan konsisten secara umum dalam semua bidang, melazimi tanggungjawab amar makruh dan nahi mungkar .
- 3- Turut sama menyumbang dalam kemajuan negara dengan kerja dan usaha dalam meningkat tahap ekonomi melalui aktiviti kesukarelawanan yang pelbagai.
- 4- Bersama dengan kebenaran dan orang yang benar dan menantang kekejaman, penindasan dan diktator dengan cara aman yang membawa manfaat serta menjaga kestabilan dan keamanan negara.
- 5- Menjauhi kumpulan kumpulan pengganas yang membuka ruang yang besar bagi menyerang islam dan penganutnya, dan ditindas oleh pemerintah kuku besi dengan alasan memeranginya.
- 6- Menjaga keamanan dan kestabilan negara bagi golongan minority yang hidup dalam negara lain dengan memberi sumbangan pada kemajuan negara seperti imigran dan juga pelarian atau penduduk minority asal. Hidup dengan keakraban bersama orang lain sambil memanfaatkan kemajuan pengetahuan dan pengurusan yang ada pada mereka.
- 7- Membela isu keadilan dan mengambil berat satu sama lain, saling bekerjasama dalam situasi sukar sekalipun dalam jarak yang jauh dan susah bagaimana sekalipun di tempat mereka. Isu Palestin dan masjid al Aqsa adalah penyatu dan isu sejagat yang menyatukan umat.